KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

E-KERATAN
AKHBAR HARIAN

17 DISEMBER 2022

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

www.rurallink.gov.my | Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah | kkdw_gov | kkdw_gov | KKDW_GOV Official | kkdw_govofficial

TARIKH:
17 DISEMBER 2022

HALAMAN:
3

ONLINE

Utusan Malaysia ☐
Berita Harian ☒
Metro ☐
Kosmo! ☐
Sinar ☐
Star ☐
New Straits Times ☐
南洋商報 Nanyang Siang Pau ☐
東方日報 Oriental Daily News ☐
Utusan Borneo ☐
The Borneo Post ☐
New Sabah Times ☐

Penstrukturan semula kementerian

Kedudukan pegawai akan dimaklum dalam masa terdekat

Pengumuman selepas penelitian pelbagai fungsi, kepentingan dimuktamadkan

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Kedudukan pegawai tertinggi di kementerian yang terbabit dengan penstrukturan semula akan dimaklumkan dalam masa terdekat.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali, berkata pengumuman itu membabitkan kedudukan Ketua Setiausaha bagi Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.

"Pengumuman Ketua Setiausaha bagi Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim akan dimaklumkan setelah penelitian penstrukturan semula membabitkan gabungan fungsi dan peranan dimuktamadkan.

"Insya-Allah dalam masa terdekat akan diumumkan," katanya kepada *BH*, semalam.

Mohd Zuki berkata, hanya empat kementerian yang terbabit dengan penstrukturan semula dalam Kabinet ketika ini.

Beliau berkata, ia membabitkan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) serta Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), yang digabungkan menjadi Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.

Ia juga membabitkan Kementerian Wilayah Persekutuan yang diserap dalam Jabatan Perdana Menteri (JPM), menjadikan Jabatan Wilayah Persekutuan di bawah tanggungjawab Perdana Menteri, manakala Unit Perancangan Ekonomi, JPM dinaik taraf kepada Kementerian Ekonomi.


Mohd Zuki Ali

Selain itu, beliau berkata, empat kementerian turut mengalami perubahan dan dijenamakan semula.

Mohd Zuki berkata, ia membabitkan Kementerian Luar Bandar kini dikenali Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Perubahan kementerian

Penjenamaan semula itu juga membabitkan Kementerian Komunikasi dan Multimedia yang kini dikenali sebagai Kementerian Komunikasi dan Digital serta Kementerian Pengajian Tinggi yang bertukar kepada Kementerian Pendidikan Tinggi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 2 Disember lalu, mengumumkan 28 menteri, termasuk dirinya, yang memegang jawatan Menteri Kewangan dan dua Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, yang menerajui KKDW dan Datuk Seri Fadillah Yusof sebagai Menteri Perladangan dan Komoditi.

Pengurangan bilangan menteri itu berbanding 31 menteri pada pentadbiran terdahulu adalah usaha Anwar mengecilkan saiz Jemaah Menteri bagi mengurangkan kos.